




LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 JANUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	CHICKEN EGG SUPPLY BACK TO NORMAL, NATION, SIN CHEW DAILY -6 TERUS IMPORT TELUR SEHINGGA BEKALAN PULIH, KAMPUNG MAMAK.COM -ONLINE IMPORT TELUR AYAM SEHINGGA BEKALAN STABIL, MSN.COM -ONLINE IMPORT TELUR AYAM SEHINGGA BEKALAN STABIL, NASIONAL, SH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
5. 6. 7.	VICTORIA STS LABUAN ADOPTS CORALS AROUND LABUAN MARINE PARK, HOME, BORNEO POST (KK) -3 PASANG PAPAN TANDA AMARAN BAHAYA OBOR-OBOR BERACUN, NEGARA, KOSMO -15 UBUR-UBUR BERACUN MUNCUL DI MARANG, NEGERI TERENGGANU, SH -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9. 10.	FARMER'S ORGANISATION SIGN ANTI-GRAFT PLEDGE, NEWS, THE SUN -3 NAFAS KOMITED TINGKAT INTEGRITI WARGA PELADANG, BEBAS RASUAH, NEGARA, KOSMO -14 NAFAS TERUS PERKASA INTEGRITI PERANGI GEJALA RASUAH, NASIONAL, SH -23	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
11. 12. 13.	PELADANG RUGI RM500,000, NEGARA, KOSMO -7 BANTUAN BERNAS KERAJAAN TERIMA SUMBANGAN RM50 JUTA AKHIR JANUARI, ASTRO AWANI -ONLINE MENCEDUNG PADI, LOKAL, HM -27	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Chicken egg supply back to normal		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	27 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	291 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,765
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,295



国家稻米公司（BERNAS）拨出6000万特别援助金给国内23万9583名农民，每人可得250令吉，莫哈末沙布（第一排左四）移交模拟支票给受惠者的组织代表后合照。（黄惠玲摄）

雞蛋供應已復常

末沙布：進口乃臨時措施

（亚罗士打26日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布指出，国内鸡蛋供应已恢复正常，而政府早前允许进口鸡蛋只是临时措施，不是长期计划。

他说，当时因为国内鸡蛋供应短缺，才进口鸡蛋应付需求。

他强调，现在鸡蛋和鸡肉的供应已稳定，只是价格方面是依据市场定价。他将与其他相关部门商讨，调整合理的价格，减轻人民负担。

莫哈末沙布今日与慕达农业发展机构农民的交流会后，在新闻发布会上回答媒体询问关于鸡蛋供应的进展时说，之前鸡蛋短缺是因为鸡场面对人力短缺情况，一些鸡场可生产50万个鸡蛋，但因为人手问题，限制产量至30万个，造成市场鸡蛋供应短缺。

减依赖进口 增粮食供应

他说，相关单位已处理和简化程序，让业者可聘用本地或外劳工作，整个情况已解决。

较早前，莫哈末沙布致词时说，我国从现在开始必须减少对进口的依赖，并增加国内的粮食供应，才不会因国外发生的突发状况受影响。

他指出，鸡饲料就是最好的例子，当全球的玉米和豆类价格高涨而马币汇率贬值时，鸡和鸡蛋的生产价就受到波动，市场价也提高。

另外，他说，国家稻米公司（BERNAS）拨出6000万特别援助金给国内23万9583名农民，每人可得250令吉。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	KAMPUNG MAMAK.COM	ONLINE	

Terus Import Telur Sehingga Bekalan Pulih



ALOR SETAR – Kerajaan akan terus mengimport bekalan telur dari luar negara sehingga krisis pengeluaran barang keperluan itu dapat diatasi sepenuhnya.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu, pemberian permit kelulusan (AP) telur ayam itu juga bersifat sementara sehingga pengimportan bahan itu dihentikan.

“Import ini ada masa tertentu sahaja, bila stabil nanti kita tidak import lagi. Import ini juga bukan kita bagi permit berpanjangan tetapi sementara sahaja untuk stabilkan telur.

“Sehingga kita mendapat jaminan daripada pengeluar telur tempatan bahawa mereka sudah bersedia untuk mengeluarkan telur secukupnya,” katanya pada sidang akhbar pada Sesi Libat Urus bersama Peladang Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) Pengkalan Kundor di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, bekalan telur ketika ini sudah stabil dengan pemantauan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	MSN.COM	ONLINE	

Import telur ayam sehingga bekalan stabil

ALOR SETAR - Kerajaan akan terus mengimport bekalan [telur ayam](#) dari luar negara sehingga keadaan stabil dan krisis bekalan telur ayam dalam negara dapat diselesaikan.



Mohamad (kanan) pada sidang akhbar di Alor Setar pada Khamis. © Provided by Sinar Harian

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, bagaimanapun pengimportan telur ayam hanya dilakukan mengikut keperluan dan bukannya secara berterusan.

Menurutnya, setakat ini bekalan telur ayam semakin stabil dan negara dijangka tidak berdepan masalah bekalan menjelang Ramadan.

“Sekarang bekalan telur ayam semakin stabil, kita hanya import dalam masa tertentu apabila keadaan sudah stabil, kita akan hentikan import. Import ini bukannya menerusi permit berpanjangan hanya untuk sementara sehingga stabil sepenuhnya,” katanya pada sidang akhbar selepas sesi libat urus bersama pimpinan-pimpinan Peladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) B-4, Tun Adam Malik, Pangkalan Kundur pada Khamis.

Hadir sama, Pengurus Besar MADA, Kamarudin Dahuli.

Mohamad jelaskan, untuk menampung kekurangan atau terputus bekalan yang masih berlaku di beberapa tempat, pihaknya telah mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk membekalkan telur ayam ke kawasan terjejas.

“Kementerian turut mendapat jaminan daripada pengeluar telur tempatan bahawa mereka sudah bersedia hasilkan telur ayam secukupnya untuk pasaran.

“Sebelum ini pengeluaran dalam negara terjejas disebabkan beberapa faktor antaranya, sesetengah tempat ternakan ayam berdepan kekurangan pekerja, yang mana daripada mampu hasilkan setengah juta telur, hanya dapat mengeluarkan 300,000 telur,” jelasnya.

Menurutnya lagi, diharap setelah kerajaan mempermudah urusan pengambilan pekerja tempatan atau asing, krisis akan semakin pulih.

“Sekarang bekalan sudah stabil cuma harga perlu ikut [pasaran](#) dari semasa ke semasa,” tegasnya.

Mengulas mengenai cadangan Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin sarankan agar kerajaan memansuhkan Permit Kelulusan (AP) telur ayam untuk mengurangkan harga sumber protein itu sehingga 10 peratus, selain menjamin bekalan, Mohamad berkata, ia antara pandangan disuarakan pelbagai pihak.

“Itu pandangan beliau. Kami di peringkat Kementerian akan bincang bersama beberapa kementerian lain antaranya Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup,” katanya.

Import telur ayam sehingga bekalan stabil

Langkah berkenaan dilakukan mengikut keperluan permintaan pasaran semasa

ALOR SETAR

Kerajaan akan terus mengimport bekalan telur ayam dari luar negara sehingga keadaan stabil dan krisis bekalan telur ayam dalam negara dapat diselesaikan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, pengimportan telur ayam hanya dilakukan mengikut keperluan dan bukannya secara berterusan.

Menurutnya, setakat ini bekalan telur ayam semakin stabil dan negara dijangka tidak berdepan masalah bekalan menjelang Ramadan.

"Sekarang bekalan telur ayam semakin stabil, kita hanya import dalam masa tertentu dan apabila keadaan sudah stabil, kita akan hentikan import.

"Import ini bukannya menerusi permit berpanjangan, ia hanya penyelesaian sementara sehingga krisis bekalan stabil sepenuhnya," katanya selepas sesi libat urus bersama pimpinan-pimpinan Peladang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) B-4, Tun Adam Malik,



Mohamad (kanan) ketika sidang akhbar di Alor Setar pada Khamis.

sudah stabil cuma harganya mengikut pasaran dari semasa ke semasa.

Sementara itu, bantuan tambahan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebanyak RM60 juta akan diagihkan kepada semua pesawah secara berperingkat bermula minggu ini.

Menurutnya, RM10 juta telah diagihkan kepada pesawah di Kelantan, Terengganu dan Pahang yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

"Bantuan ini bukannya obligasi yang ditandatangani sebelum ini, ia merupakan tambahan disebabkan banjir di Pantai Timur.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mohon kepada Bernas untuk salurkan sumbangan untuk kurangkan bebanan pesawah," katanya.

Headline	Victoria STS Labuan adopts corals around Labuan Marine Park		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	27 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	161 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 898
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,694



Victoria STS Labuan adopts corals around Labuan Marine Park

LABUAN: Victoria STS (Labuan) Sdn Bhd has agreed to undertake adoption of coral reefs around Labuan Marine Park.

Its chief executive officer Benjamin Bernard Bijion said Victoria STS would be working closely with the Labuan Fisheries Department to protect and preserve this 'rainforest of the sea' which is the living ecosystem that provide life and habitats for various plants and marine life species.

Victoria STS is a Labuan-based licensed maritime-related company to conduct ship-to-ship (STS) operations of oil and liquefied gas products within the Victoria Port Limit, which is next to Kuraman Island, one of the protected islands in the marine park.

"We have had a discussion through our briefing today with the Labuan fisheries director and

his team on the initiative, and we are glad to be able to do our part of giving back to the community through the conservation of Labuan Marine Park.

"When reefs are destroyed it has an enormous impact on both marine and human lives...many coastal communities rely on coral reefs for food and livelihood, coral reefs also bring in revenue to the local community...healthy coral reefs support businesses in the fishery and tourism industries," he told Bernama on Thursday.

Benjamin said efforts are in the pipeline to increase the number of locally certified divers to be part of the adoption programme.

"Victoria STS will also be working with local communities to promote sustainable fishing practices and raise awareness about the importance of these habitats," he said.

Benjamin said coral reefs could

be declining primarily because of overfishing and destructive fishing techniques.

"Coastal developments and pollution can easily destroy coral reef systems that take hundreds of years for regrowth, and that is why we need enough certified divers to assist us in this programme.

"Coral adoptions mean you are supporting relevant government agency that works toward the protection of coral reefs...this government agency has made it their mission to protect corals through various research, education, and conservation programmes, and we will support," he said.

The Labuan Marine Park is formed by three islands affectionately known of Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar and Pulau Rusukan Kecil. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	KOSMO	NEGARA	15

Pasang papan tanda amaran bahaya obor-obor beracun



BANGKAI obor-obor beracun jenis *Portuguese Man o'War* ditemui di Pantai Seberang Takir, Kuala Nerus baru-baru ini.

KUALA TERENGGANU – Kerajaan negeri Terengganu akan meningkatkan kesedaran terhadap masyarakat berhubung obor-obor beracun jenis *Portuguese Man o'War* yang kini ditemui banyak terdampar di pesisir pantai negeri ini sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, ini termasuk meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) terlibat memasang papan tanda amaran

ancaman *Portuguese Man o'War*. "Masih ramai pengunjung tidak mengetahui bahaya sekiranya menyentuh walaupun bakal hidupan air berkenaan.

"Papan tanda amaran itu boleh dipasang di pantai-pantai peranginan utama sebagai peringatan kepada pengunjung," katanya di sini semalam.

Kosmo! kelmarin melaporkan, obor-obor jenis *Portuguese Man o'War* telah ditemui kembali terdampar di Pantai Seberang Takir di sini sejak Isnin lalu.

Azman berkata, buat masa ini, obor-obor beracun itu dijumpai

terdampar di beberapa pantai peranginan di daerah Marang, Kuala Nerus, Setiu dan Besut pada musim tengkujuh ini.

Tambahnya, seorang kanak-kanak telah menjadi mangsa disengat obor-obor itu di Pantai Kekabu, Marang pada Isnin lalu.

Bagaimanapun, ujarnya, keadaan pesakit itu kini dilaporkan stabil setelah menerima rawatan lanjut.

"Bangkai obor-obor terdampar terbabit perlu dilupuskan segera bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini," katanya.

Ubur-ubur beracun muncul di Marang

Dijumpai petugas APM di pantai Pulau Kekabu

Oleh RAHAYU MUSTAFA
MARANG

Selepas penemuan ubur-ubur jenis *Portuguese Man o'War* di Pantai Seberang Takir, Kuala Nerus, pada Isnin, haiwan marin beracun itu kini ditemui pula di pantai Pulau Kekabu, di sini pada Rabu.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Marang, Leftenan (PA) Mujahid Abd Wahab berkata, ubur-ubur itu dijumpai sekitar jam 10.30 pagi ketika petugas APM melakukan rondaan rutin harian di sekitar pantai tersebut.

Menurutnya, tinjauan di sekitar kawasan kemudian berjaya menemukan sebanyak tujuh ekor ubur-ubur *Portuguese Man o'War* atau nama saintifiknya *Physalia physalis* terdampar di pantai.

"Anggota APM telah mengumpulkan semua ubur-ubur berbahaya ini dan bertindak melupuskan dengan cara menanam ke dalam pasir bagi mengelak ancaman kepada pengunjung," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Mujahid berkata, susulan penemuan itu pihaknya akan meningkatkan rondaan di pesisir pantai terutama di lokasi tumpuan pengunjung.

Bellau turut meminta kerjasama orang ramai supaya menaklukkan Seberang penemuan ubur-ubur beracun ini kepada petugas pantai supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

"Ubur-ubur ini boleh melumpuhkan mangsa melalui sengatannya selain turut menyebabkan melecur pada kulit dan lebih serius, ia boleh membawa maut jika tidak dirawat segera," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan penemuan ubur-ubur berbahaya jenis *Portuguese Man o'War* di pantai Seberang Takir, Kuala Nerus yang merupakan kes pertama direkodkan di pantai tersebut pada tahun ini.

Kehadiran ubur-ubur itu disedari selepas ada pengunjung memuat naik penemuan dalam media sosial dan susulan itu, anggota APM telah membuat pemantauan di pantai

Seberang Takir.

Sementara itu, Exco Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah perlu memasang papan tanda amaran di kawasan pantai tumpuan pengunjung/susulan penemuan ubur-ubur itu.

"Penemuan ubur-ubur beracun ini tidak boleh dipandang ringan walaupun ia perkara biasa yang terjadi pada setiap tahun.

"Usaha ini penting kerana masih ada pengunjung pantai tidak mengenali bahaya yang bakal mereka hadapi jika tersentuh atau disengat ubur-ubur beracun itu," katanya.



FOTO: APM

Anggota APM membuat pemantauan di kawasan pantai. Gambar kecil: Ubur-ubur jenis *Portuguese Man o'War* yang ditemui di pantai Pulau Kekabu, Marang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	THE SUN	NEWS	3

Farmers' organisation signs anti-graft pledge

KUALA LUMPUR: The Corruption Free Pledge signed by employees of the National Farmers' Organisation (Nafas), is an effort to improve integrity and express its commitment to be free of graft.

Its board of directors chairman Datuk Zamri Yaakob said it is in line with Nafas and the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) aspirations in combating graft in the organisation.

"This pledge is a sign of commitment in empowering integrity and high values, in order to make Nafas a transparent and outstanding organisation.

"As an agency under the purview of the Agriculture and Food Security Ministry, it bears the responsibility of improving the socioeconomic situation of farmers, with a focus on increasing income and advancing the country's agricultural industry," he said,

adding that the pledge is important so that each individual can carry out their duties more responsibly.

Earlier, 257 Nafas management staff and employees as well as members of its board, led by Zamri, signed the pledge at the Nafas headquarters in Petaling Jaya, witnessed by MACC Community Education Division director Datuk Razim Mohd Noor.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Nafas terus perkasa integriti perangi gejala rasuah



Warga Nafas bersama-sama melafazkan ikrar bebas rasuah.



Razim (duduk kanan) dan Zamri (duduk kiri) menandatangani Ikrar Bebas Rasuah pada Khamis.

SHAH ALAM - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan terus memperkasa integriti, nilai insan yang tinggi dan unggunya sebuah organisasi yang telus dan cemerlang.

Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, dalam mencapai hasrat itu, pihaknya

mengambil pendekatan mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah, sebagai salah satu usaha dalam memerangi rasuah.

"Sebagai agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Nafas memiliki tanggungjawab dalam memperbaiki sosioekonomi para peladang dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan

serta memajukan industri pertanian negara.

"Justeru, penekanan ikrar yang dibuat secara sukarcela ini penting supaya setiap individu akan melaksanakan tugas dengan lebih bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Majlis itu turut dihadiri Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Razim Mohd Noor dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang selaku Pendaftar Pertubuhan Peladang, Datuk Azulita Salim.

Program berkenaan disertai 257 petugas yang terdiri daripada barisan ahli jemaah pengarah, pengurusan dan pekerja Nafas di Ibu Pejabat Nafas, Kota Damansara, Selangor.

IBR merupakan inisiatif yang diperkenalkan SPRM dalam memberi penekanan kepada ikrar dan janji dalam kapasiti individu bahawa mereka telah diper-tanggungjawabkan dalam melaksanakan tugas dan menajuhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah dan salah guna kuasa sepanjang tempoh berkhidmat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	KOSMO	NEGARA	7

Peladang rugi RM500,000

KOTA TINGGI - Bencana banjir yang melanda daerah ini sejak Selasa lalu telah menyebabkan pengusaha Desaru Fruit Farm di sini kerugian lebih RM500,000 apabila sebahagian besar buah-buahan rosak selepas pokok ditenggelami air.

Pengarahnya, Alice Tong Ah Chin berkata, 90 peratus daripada lebih 100 pokok buah-buahan yang ditanam di 35 hektar ladang miliknya terjejas akibat bencana itu.

“Biasanya banjir melanda lima kali setahun tetapi tahun ini baru dua kali sudah teruk sebab banjir setinggi 2.3 meter lambat surut.

“Lebih 800 pokok jambu air yang tunggu masa untuk dipetik habis tenggelam begitu juga limau bali. Kejadian itu menyebabkan tempahan sempena cuti Tahun Baharu Cina terpaksa dibatalkan dan wang dikembalikan,” katanya ketika ditemui.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Bantuan BERNAS | Kerajaan terima sumbangan RM50 juta akhir Januari



Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu mengesahkan bahawa kerajaan akan menerima bantuan sumbangan berjumlah 50 juta ringgit menjelang akhir Januari. Menurut beliau, bantuan berkenaan akan mula diagihkan kepada 219,402 pesawah di seluruh negara selewatnya pada awal Mac menerusi bantuan khas berbentuk tunai sebanyak 250 ringgit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	KOSMO	NEGARA	14

Nafas komited tingkat integriti warga peladang, bebas rasuah

PETALING JAYA – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) terus komited dalam usaha meningkatkan integriti warga peladang agar bebas daripada gejala rasuah menerusi Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Majlis tersebut disertai seramai 257 warga kerja Nafas yang diketuai Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob dan disaksikan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Razim Mohd. Noor.

Zamri berkata, IBR merupakan inisiatif yang diperkenalkan SPRM bagi memberi penekanan kepada ikrar dan janji dalam kapasiti individu supaya tidak terlibat dengan rasuah dan salah guna kuasa ketika menjalankan tugas.

"Sebagai agensi bernaung di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Nafas memikul tanggungjawab dalam memperbaiki sosio-ekonomi para peladang.

"Ia dibuat dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan

serta memajukan industri pertanian negara.

"Justeru, penekanan ikrar yang dibuat secara sukarela ini penting supaya setiap individu akan melaksanakan tugas dengan lebih bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah beliau, IBR juga merupakan tanda komitmen dalam memperkasakan integriti dan nilai insan yang tinggi.

Ini sekali gus menjadikan Nafas sebuah organisasi yang telus dan cemerlang.



ZAMRI ketika menyempurnakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah bersama 257 warga kerja Nafas di Ibu Pejabat Nafas di Petaling Jaya semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2023	HARIAN METRO	LOKAL	27



PENDUDUK Salleh Musa, 67, melakukan kerja mencedung padi yang dijadikan sumber rezeki mereka ketika tinjauan di Kampung Temian Jerung di Marang, Terengganu, semalam. Proses mencedung pada masa dahulu antara aktiviti penting dalam proses penanaman padi. Kebanyakan penduduk di kampung itu masih menanam padi menggunakan kaedah tradisional. Penanaman padi di Terengganu hanya dua kali dalam setahun kerana faktor musim tengkujuh menyebabkan ia tidak dapat ditanam dengan kerap. Selain itu, ia turut menjadi daya tarikan pelancong yang menjadikannya sebagai lokasi menarik untuk merakam video dan gambar kenangan berkunjung ke Terengganu.

MENCEDUNG PADI



PENIAGA melakukan kerja penyembelihan ayam sebelum dijual kepada pelanggan di Pasar Ampangan, Seremban. Wabak selesema burung yang sedang melanda Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah tidak menjejaskan bekalan ayam di pasaran negara. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu menaaklumkan walaupun negara belum mencatatkan kes selesema burung, pihaknya sentiasa memantau perkembangan wabak itu.